

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

1.0 DEFINISI

Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah:

“**Co-opbank**” bermaksud Co-opbank Pertama, sebuah Co-opbank yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Tingkat 6, Wisma JCBNext, No.27, Lorong Medan Tuanku 1 Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.

“**Akaun Deposit-i Berjangka**” bermaksud produk deposit yang ditawarkan oleh Co-opbank berdasarkan prinsip Tawarruq.

“**Komoditi**” bermaksud apa-apa komoditi yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Co-opbank. contohnya *Airtime*, minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang disahkan patuh Syariah oleh Jawatankuasa Syariah Co-opbank atau Penasihat Syariah yang dilantik oleh platform komoditi untuk dijadikan sebagai aset pendasar kepada urusniaga dan transaksi Tawarruq.

“**Pelanggan**” bermaksud pendeposit dan pemegang Akaun Deposit-i Berjangka samada anggota Co-opbank atau bukan anggota, individu atau institusi yang mana layak dan memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan prinsip-prinsip Syariah iaitu telah dewasa, berakal, tidak mufliis dan diberikan kuasa oleh pemilik untuk melakukan transaksi (ahliyah tasarruf) serta tidak menghadapi apa-apa sekatan serta lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Co-opbank.

“**Amaun Deposit**” bermaksud amaun yang didepositkan ke dalam Akaun Deposit-i Berjangka oleh Pelanggan bagi suatu tempoh matang yang ditetapkan oleh pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan dalam hal pembaharuan deposit berserta amaun keuntungan, Amaun Deposit merujuk kepada amaun deposit asal Akaun Deposit-i Berjangka berserta amaun keuntungan yang diperolehi dalam tempoh deposit sebelumnya (jika ada).

2.0 PRINSIP SYARIAH

2.1 Pengambilan deposit bagi Akaun Deposit-i Berjangka dan ciri-ciri produk deposit ini adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip Syariah yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Syariah Co-opbank iaitu berdasarkan kepada prinsip Syariah Bai' Murabahah melalui pengaturan Tawarruq. Melalui konsep Murabahah, urusniaga menggunakan komoditi sebagai aset pendasar akan melayakkan pelanggan menerima suatu keuntungan yang didedahkan dan dipersetujui bersama dalam harga jualan yang dipersetujui dan akan dibayar oleh Co-opbank kepada pelanggan pada nilai (Jualan komoditi dengan harga kos + keuntungan) semasa tempoh deposit matang.

2.2 Pelanggan juga bersetuju bahawa semua siri urusniaga komoditi di antara pelanggan dengan pembekal komoditi atau broker dan di antara pelanggan dengan Co-opbank adalah diwakili oleh Co-opbank sebagai wakil berlandaskan kepada prinsip wakalah (dwi-wakalah) yang mana kontrak wakalah ini adalah mengikat kedua-dua pihak dengan fi wakalah berkaitan dengan transaksi komoditi semasa tempoh deposit matang. Pihak Co-opbank mempunyai budibicara untuk memansuhkan fi wakalah tersebut dan melepaskan pelanggan daripada menanggung bayaran fi wakalah atau apa-apa kos berkaitan dengan transaksi komoditi semasa tempoh deposit matang. Co-opbank sebagai wakil diberikan mandat dan kuasa penuh oleh pelanggan untuk menentukan jenis, kualiti dan kuantiti komoditi yang digunakan untuk urusniaga dan nilai atau harga yang bersesuaian dengan jumlah deposit pelanggan serta melaksanakan ijab dan qabul bagi pihak pelanggan untuk menyempurnakan akad atau kontrak dalam apa-apa urusniaga belian komoditi dan kontrak Murabahah pada waktu-waktu yang diperlukan.

3.0 TAWARRUQ

3.1 Tawarruq ialah konsep pengaturan urusniaga komoditi yang merangkumkan beberapa kontrak dalam satu pengaturan bagi tujuan mengkoordinasikan transaksi secara berparameter tetapi mematuhi ketetapan syariah tentang prinsip “*mustaqillah*”. Co-opbank mempunyai komitmen untuk mematuhi standard dan piawaian syariah dalam pelaksanaan konsep Tawarruq sebagaimana yang ditetapkan oleh pengawalselia. Oleh itu, dalam mengatur urusniaga Tawarruq Akaun Deposit-i Berjangka, pelanggan yang diwakili oleh Co-opbank sebagai wakil akan terlebih dahulu membeli komoditi dengan harga kos daripada pembekal komoditi menggunakan amaun yang didepositkan oleh pelanggan ke dalam Akaun Deposit-i Berjangka. Seterusnya, pelanggan dan Co-opbank hendaklah memasuki kontrak Bai' Murabahah yang mana komoditi tersebut akan dijual oleh pelanggan melalui wakil kepada Co-opbank pada harga jualan yang dipersetujui dengan harga secara tertanggung sehingga suatu tarikh matang yang ditetapkan. Hak pemilikan ke atas komoditi berpindah milik kepada Co-opbank dan memberikan hak kepada Co-opbank untuk menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai untuk tunai tersebut digunakan oleh Co-opbank bagi tujuan-tujuan yang patuh Syariah.

4.0 PEMBUKAAN AKAUN

4.1 Co-opbank mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit minimum yang dikehendaki untuk membuka akaun.

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

4.2 Sebarang permohonan untuk membuka Akaun Deposit-i Berjangka hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mungkin disertakan berserta dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti mana yang diminta oleh Co-opbank. Bagi permohonan yang dibuat oleh Syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatanganan sah yang dilantik juga mungkin diminta oleh Co-opbank atau mana-mana cara yang dibenarkan oleh Co-opbank.

4.3 Pelanggan layak untuk membuka Akaun Deposit-i Berjangka secara individu atau bersama.

4.4 Co-opbank diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan penandatanganan yang dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Tandatangan Spesimen (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh Co-opbank). Sekiranya terdapat apa-apa arahan yang tidak jelas atau Co-opbank menerima arahan yang bercanggah, Co-opbank mempunyai hak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Co-opbank tanpa sebarang liabiliti kepada Co-opbank. Pelanggan dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen.

4.5 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun dan/atau membuat imbasan biometrik cap jari atau cop cap jari atau arahan bertulis melalui surat rasmi, Pelanggan dianggap bersetuju untuk melantik Co-opbank sebagai Ejen Belian dan Jualan Murabahah untuk urusan Komoditi dan Transaksi kontrak Murabahah dan/atau untuk menguruskan proses pembukaan akaun, pembaharuan dan lain-lain tujuan yang sah di bawah keperluan urusan niaga dan transaksi untuk produk deposit ini.

4.6 Co-opbank boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Penggubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2010 serta prinsip Syariah serta apa-apa undang-undang yang terpakai, menerima pembukaan, pembaharuan, penerusan, penamatan dan penutupan akaun deposit ini berdasarkan kepada aturan-aturan yang ditetapkan oleh Polisi Co-opbank atau pengawalselia daripada masa ke semasa.

4.7 Co-opbank mempunyai budibicara untuk menerima deposit daripada pelanggan dengan sangkaan suci hati bahawa sumber dana tersebut adalah patuh Syariah atau dana bercampur yang boleh diterima pada hari penempatan deposit dilakukan oleh pelanggan. Dengan maklumat berfakta yang sampai dalam pengetahuan Co-opbank melalui semakan KYC kemudiannya, jika Co-opbank mendapati sumber dana pelanggan adalah dana bercampur yang diragui pada kadar yang pre-dominan tidak patuh Syariah yang major maka Co-opbank mempunyai budibicara penuh untuk mempertimbangkan menyempurnakan transaksi atau membatalkan transaksi dan memulangkan deposit pelanggan tanpa apa-apa pulangan pada tarikh berikutnya sesuatu status risiko syariah dibuat pengesanan.

5.0 AKAUN BERSAMA

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut dipersetujui oleh pelanggan untuk terpakai bagi suatu akaun bersama:

- liabiliti pemegang akaun bersama kepada Co-opbank adalah secara bersama dan berasingan;
- jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau menjadi tidak solven atau mufliis atau diisytiharkan sebagai orang hilang oleh pihak berkuasa, pemegang akaun yang masih hidup / solven secara langsung menjadi penama sebagai pemegang amanah dan pentadbir untuk mentadbir semua bahagian pemegang akaun bersama (samada dinyatakan atau tidak) terhadap apa-apa baki di dalam akaun bagi tujuan diagihkan kepada penerima-penerima yang sah mengikut lunas undang-undang dan prinsip Syariah bagi yang Muslim dan pihak Co-opbank berhak untuk terus bertindak mengikut arahan yang ditandatangani oleh pemegang akaun yang masih hidup dan solven tersebut, tanpa menanggung apa-apa liabiliti kepada pemegang akaun yang telah mati atau mufliis atau diisytiharkan sebagai orang hilang atau waris kepada pemegang akaun bersama;
- sekiranya pihak Co-opbank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah dari pemegang akaun bersama, pihak Co-opbank berhak untuk tidak bertindak dengan apa-apa atau kedua-dua arahan atau Co-opbank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkan patut, tanpa Co-opbank menanggung apa-apa liabiliti terhadap mana-mana pemegang akaun bersama.
- apa-apa pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Co-opbank jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

6.0 AKAUN PERKONGSIAN

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun perkongsian:

- liabiliti pemegang akaun perkongsian kepada Co-opbank adalah secara bersama dan berasingan;
- jika salah seorang daripada rakan kongsi kepada perkongsian meninggal dunia atau menjadi mufliis atau atau diisytiharkan sebagai orang hilang oleh pihak berkuasa firma dibubarkan dengan atau tanpa sebab, baki jumlah di dalam akaun perkongsian Pendeposit hendaklah dibahagikan mengikut perjanjian perkongsian oleh rakan kongsi (iaitu perjanjian perkongsian yang berada di dalam simpanan pihak Co-opbank) atau sekiranya tiada perjanjian perkongsian dimasuki, dibahagikan secara sama rata atau mengikut pembahagian yang dinyatakan di dalam perintah Mahkamah atau badan yang berkuasa bagi urusan pembahagian atau

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

dibayar semua bahagian kepada rakan kongsi yang masih hidup sebagai penama, pentadbir dan pemegang amanah untuk diagihkan kepada penerima yang sah di kalangan waris si mati tertakluk kepada lunas undang-undang;

c) apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian, kebangkrapan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baharu;

d) sekiranya pihak Co-opbank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah daripada mana-mana Pendeposit atau penandatanganan sah akaun tersebut, pihak Co-opbank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut atau tidak bertindak terhadap mana-mana arahan, tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatanganan sah akaun perkongsian tersebut;

e) melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kesemua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Co-opbank jika ia ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

7.0 TRANSAKSI DEPOSIT

7.1 Tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Penggubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2010 serta prinsip Syariah serta apa-apa undang-undang yang terpakai, dengan membuka Akaun Deposit-i Berjangka dan menandatangani dalam matawang Ringgit Malaysia ke dalam akaun tersebut, Co-opbank berjanji kepada Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan di bawah kontrak Murabahah dengan bayaran tertanggung pada suatu harga jualan yang dipersetujui bersama.

Selagimana kontrak Murabahah belum disempurnakan, transaksi deposit itu diterima oleh Co-opbank berdasarkan Qard (“*incidental Qard*”) yang mana menjadi tanggungjawab Co-opbank untuk menyempurnakan urusan komoditi dan kontrak Murabahah dalam tempoh serta-merta kecuali dalam peristiwa yang menimbulkan kekangan seperti cuti tergepar atau sistem tergendala atau *force majeure* maka hendaklah disempurnakan urusan komoditi dalam tempoh T+(2) hari daripada hari penerimaan deposit atau hari-hari berikutnya urusan komoditi mungkin dilakukan dengan syarat kerelaan pelanggan diperolehi semula melalui apa-apa cara yang diterima oleh kedua-dua pihak. Dalam tempoh Qard tersebut, Co-opbank tidak bertanggungjawab dan pelanggan bersetuju tidak akan memohon apa-apa pulangan tambahan daripada tempoh peletakan deposit dalam tempoh itu selain daripada apa-apa yang telah dipersetujui dalam harga jualan Murabahah kecuali pengaturan transaksi tersebut dibatalkan dan dibuat rundingan semula pada kadar keuntungan Murabahah yang baharu dengan harga jualan yang baharu. Co-opbank mungkin menggunakan mekanisme tambahan seperti hibah untuk pulangan tambahan yang dipertikaikan (jika ada) atas budibicara penuh Co-opbank tanpa apa-apa kontrak perjanjian atau jaminan.

7.2 Berdasarkan mandat di bawah kontrak Wakalah, Pelanggan melantik Co-opbank untuk bertindak sebagai wakil atau ejen urusan Tawarruq dengan kuasa penuh untuk melaksanakan kontrak dan transaksi serta tanggungjawab berikut ; (i) membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan daripada platform komoditi; dan (ii) menjual komoditi kepada Co-opbank pada harga jualan Murabahah; serta (iii) mempunyai kuasa menentukan platform komoditi, pembekal komoditi, broker komoditi, pembeli komoditi dan jenis, kualiti dan kuantiti komoditi serta nilai dan harga pasaran urusan komoditi yang bersesuaian, pengiraan keuntungan dan harga jualan Murabahah yang terpakai yang mana kesemua tanggungjawab tersebut adalah tertakluk dalam urusan Tawarruq berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dan pada setiap waktu daripada masa ke semasa jika Co-opbank ada memaklumkan apa-apa kemaskini maklumat atau fakta transaksi kepada Pelanggan melalui apa-apa medium komunikasi, jika tiada bantahan oleh Pelanggan melalui notis rasmi dalam tempoh yang dinyatakan dalam kemaskini tersebut maka pengesahan dan persetujuan oleh pelanggan dianggap telah berkuatkuasa serta-merta. Co-opbank hanya bertindak sebagai wakil atau ejen dan tidak akan dianggap mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan selain yang telah ditentukan di dalam Terma & Syarat ini.

Sebagai wakil atau ejen urusan Tawarruq, semasa tempoh deposit dan pada bila-bila masa jika ada deposit yang diperbaharui tempoh termasuk sebarang deposit amaun tambahan daripada masa ke semasa, Co-opbank berhak dan mempunyai kuasa-kuasa yang berkuatkuasa daripada kontrak Wakalah seperti berikut:

a) Untuk melaksanakan dan menyempurnakan akad, perjanjian, kontrak serta memenuhi kesemua syarat-syarat pembelian Komoditi pada Amaun Deposit secara tunai (“Transaksi Pembelian Komoditi”) dengan dibuktikan oleh perjanjian pembelian, sijil-sijil komoditi dan lain-lain instrumen secara elektronik atau urusan manual dan membuat apa-apa rundingan yang perlu dengan pembekal komoditi bagi pihak Pelanggan; dan

b) Untuk melaksanakan dan menyempurnakan akad, perjanjian, kontrak serta memenuhi kesemua syarat-syarat penjualan Komoditi tersebut di bawah kontrak Murabahah dengan bayaran tertanggung kepada Co-opbank pada (“Harga Jualan (Murabahah)”) yang mengandungi Amaun prinsipal Deposit berserta keuntungan, dan melaksanakan segala syarat- syarat berhubung dengan transaksi jualan tersebut dalam sistem yang ditetapkan secara elektronik atau urusan manual bagi pihak Pelanggan,

DENGAN SYARAT bahawa mandat yang diberikan kepada Co-opbank sebagai Ejen urusan Tawarruq adalah tertakluk kepada amaun prinsipal dan kadar keuntungan semasa yang ditawarkan oleh Co-opbank. Pelanggan bersetuju bahawa pengesahan penyempurnaan transaksi Murabahah dan urusan Tawarruq adalah memadai dengan apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh Co-opbank kepada Pelanggan dalam bentuk sijil deposit atau notis pemberitahuan secara elektronik atau salinan cetakan sijil komoditi (jika dibuat permintaan).

c) Memilih platform komoditi, dan menentukan kaedah, cara atau mekanisme urusan komoditi yang sesuai dengan keupayaan Co-opbank serta diberikan kuasa penuh kepada Co-opbank melantik sub-wakil atau sub-ejen yang difikirkan sesuai oleh Co-opbank untuk mewakili pelanggan melaksanakan urusan Tawarruq termasuk menyempurnakan kontrak Murabahah.

d) Kuasa untuk melaksanakan siri-siri urusan Tawarruq pada setiap pembaharuan tempoh deposit yang mana hendaklah dilakukan oleh Co-opbank pada tarikh matang deposit sediada.

e) Kuasa daripada kontrak wakalah adalah terbatal memadai dengan apa-apa dokumen pembatalan yang dikeluarkan oleh Pelanggan kepada Co-opbank dalam bentuk notis pemberitahuan secara elektronik atau salinan

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

cetakan (jika dibuat pembatalan) dan Pelanggan bertanggungjawab membayar fi wakalah dan Co-opbank berhak menerima jumlah fi wakalah yang ditetapkan sebanyak RM30 bagi setiap transaksi yang telah bermula sahaja walaupun belum disempurnakan dan apa-apa gantirugi lain atas jumlah sebenar yang akan ditentukan semasa peristiwa pembatalan. Co-opbank atas budibicara boleh memansuhkan fi dan caj tersebut semasa penutupan akaun deposit ini.

7.3 Pelanggan bersetuju memilih kaedah serah milik urusanniaga komoditi sentiasa secara kaedah hukmi. Walaubagaimanapun, pelanggan sentiasa mempunyai pilihan untuk mengambil serah milik dan pegangan Komoditi secara fizikal pada peringkat awal transaksi Tawarruq (sebelum komoditi dibeli daripada pembekal komoditi) dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya tiga (3) hari kepada Co-opbank sebelum tarikh urusanniaga komoditi berkuatkuasa, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan serahan fizikal dikenakan oleh pembekal komoditi hendaklah ditanggung oleh Pelanggan. Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa jika serah milik dan pegangan Komoditi secara fizikal dilakukan oleh Pelanggan maka kontrak Murabahah antara Pelanggan dengan Co-opbank tidak akan diteruskan dan Pelanggan dianggap membatalkan transaksi Tawarruq yang mana Co-opbank berhak menutup akaun deposit pelanggan dan merekodkan baki akaun pelanggan kosong. Dengan pegangan komoditi secara fizikal oleh Pelanggan, adalah menjadi tanggungjawab dan liabiliti pelanggan menanggung semua risiko yang berkaitan pemilikan dan pegangan komoditi serta Co-opbank hendaklah dilepaskan oleh Pelanggan daripada menanggung apa-apa liabiliti dan tidak bertanggungjawab untuk memenuhi akujanji atau wa'ad membeli komoditi tersebut, dan Pelanggan menjadi bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat pengaturan sendiri untuk menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.

7.4 Co-opbank dalam melaksanakan tanggungjawab urusanniaga komoditi berasaskan Murabahah akan menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan menjalankannya dengan tujuan yang baik dengan memberikan jaminan pada jumlah prinsipal deposit dan jumlah keuntungan selari dengan kehendak Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Ini bermaksud akaun deposit ini tidak tertakluk kepada kerugian atau susut nilai.

7.5 Pelanggan akan menanggung ganti rugi dan memastikan Co-opbank ditanggung rugi ke atas segala tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dikemukakan atau dituntut oleh mana-mana pihak terhadap Co-opbank dan/atau yang dibelanjakan atau didahulukan oleh pihak Co-opbank berkaitan dengan Transaksi-transaksi, urusanniaga Komoditi sebagai wakil atau ejen bagi pihak Pelanggan atau pelanggaran Terma & Syarat ini oleh Pelanggan, kecuali perkara-perkara yang secara langsung disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat oleh Co-opbank. Tanggungan ganti rugi tersebut akan terus berkuatkuasa meskipun hubungan dengan pihak ejen telah ditamatkan dan sebarang jumlah pembayaran tidak boleh ditolak dari sebarang tuntutan, tuntutan-balas atau sebaliknya.

8.0 PEMBAYARAN HARGA JUALAN (MURABAHAH)

8.1 Oleh itu, harga jualan Murabahah yang terdiri daripada prinsipal dan keuntungan adalah dijamin sebagaimana kehendak Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Formula untuk pengiraan keuntungan dan Harga Jualan (Murabahah) adalah seperti berikut:

Pengiraan Keuntungan

Keuntungan = $P \times R \times T / 365^*$

*angka pembawah adalah mengikut kelaziman pasaran.

laitu:

P = Amaun Prinsipal Deposit

R = Kadar Keuntungan (%) yang diberikan atas deposit

T = Tempoh (dari tarikh deposit hingga matang, menggunakan kiraan hari semalaman (*overnight*))

Bagi pembaharuan deposit secara automatik, kadar keuntungan akan dikira berdasarkan kadar keuntungan semasa Co-opbank pada waktu pembaharuan

Pengiraan Harga Jualan (Murabahah)

Harga Jualan (Murabahah) = Amaun Deposit + Keuntungan (jumlah keuntungan bagi keseluruhan tempoh deposit).

Ilustrasi:

Amaun Deposit	RM100,000
Kadar Keuntungan	2.00% setahun
Tempoh	3 bulan
Bilangan Hari	91 hari
Tarikh Deposit	01/04/2022

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

Tarikh Matang	01/07/2022
Keuntungan	RM498.63
Harga Jualan (Murabahah)	RM100,498.63

Harga Jualan (Murabahah) adalah tertakluk kepada penyempurnaan Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah dan peruntukan di bawah Klausa 8.2 yang dinyatakan di sini

8.2 Kedua-dua Co-opbank dan Pelanggan memperakui bahawa bagi Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah, Co-opbank hanya bertanggungjawab membayar kepada Pelanggan Harga Jualan (Murabahah). Co-opbank tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa keuntungan tambahan melebihi harga jualan jika dalam peristiwa kegagalan pelanggan atas apa-apa sebab yang tidak memberikan pengesahan kepada Co-opbank untuk pembaharuan tempoh deposit yang menyebabkan deposit tergantung selepas tempoh matang melepasi tempoh tertentu ditetapkan oleh Co-opbank, atau apa-apa sebab yang menyebabkan pelanggan tidak dapat membuat pengeluaran atau pembaharuan akibat daripada peristiwa-peristiwa di luar kawalan Co-opbank, implikasi sistem tergendala atau peristiwa-peristiwa lain yang disebabkan oleh *force majeure*.

8.3 Co-opbank atas arahan oleh Pelanggan akan membayar keuntungan daripada Transaksi Komoditi Berasaskan Murabahah kepada Pelanggan sama ada secara bulanan atau pada tempoh matang, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya keuntungan dibayar secara bulanan, jumlah yang akan diterima oleh Pelanggan adalah bersamaan dengan jumlah keuntungan yang akan dibahagikan bagi bulan berkenaan, bagaimanapun sekiranya keuntungan dibayar pada tarikh matang, Co-opbank akan membayar kepada Pelanggan keseluruhan jumlah keuntungan secara sekaligus atau setiap enam (6) bulan yang mana berkenaan.

8.4 Putaran lengkap tempoh deposit dikira menggunakan kiraan hari semalaman (*overnight*) dari tarikh peletakan deposit berkenaan.

9.0 TRANSAKSI PENGELUARAN

9.1 Sebarang pengeluaran hendaklah dibuat secara permintaan bertulis yang mengandungi tandatangan yang diberikuasa yang berdaftar dengan Co-opbank. Melainkan sekiranya terdapat sebarang kecuaiian, penipuan dan/atau kemungkiran secara sengaja di pihak Co-opbank, Co-opbank tidak akan bertanggungjawab atau tidak dikira bersalah ke atas sebarang pengeluaran yang tidak dibenarkan di dalam akaun. Pelanggan hendaklah berhati-hati memeriksa catatan dalam akaun dan memaklumkan kepada Co-opbank sekiranya terdapat sebarang kesilapan catatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan catatan akaun tersebut dan Co-opbank akan mengangap catatan akaun sebagai teratur sekiranya terdapat kegagalan Pelanggan berbuat demikian.

9.2 Pengeluaran separa daripada jumlah prinsipal atau daripada jumlah keuntungan pada tempoh matang adalah dibenarkan.

9.3 Deposit ini tidak dibenarkan untuk dikeluarkan melainkan jika ia dikembalikan dengan tandatangan Pelanggan dan ia tidak boleh membuat pengeluaran dalam jumlah cek dan draf yang berbeza

9.4 Surat kuasa diperlukan dalam ketiadaan Pelanggan untuk menerima bayaran atau permintaan untuk pembayaran pihak ketiga.

9.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa sebarang amaun bayaran yang ditentukan oleh Co-opbank kepada Pelanggan di bawah transaksi akaun bagi pengeluaran yang berlaku melainkan terdapat kesilapan yang nyata adalah muktamad dan mengikat Pelanggan.

10.0 PENGELUARAN SEBELUM TARIKH MATANG

10.1 Pelanggan dengan ini bersetuju sepenuhnya tanpa boleh batal bahawa sebarang pengeluaran pra-matang/pemintaan pembayaran awal sebelum tempoh matang deposit adalah tertakluk kepada syarat-syarat:

- lbra' (rebat) ke atas semua keuntungan daripada harga jualan Murabahah akan berkuatkuasa tanpa mengira tempoh waktu pembatalan berlaku dan Co-opbank hanya akan bertanggungjawab memulangkan kepada pelanggan jumlah prinsipal deposit sahaja.
- sebarang pembaharuan yang dibuat sebelum tarikh matang atas permintaan pelanggan juga tertakluk kepada fasal di atas.
- tiada sebarang pembayaran keuntungan boleh dirunding semasa pengeluaran pra-matang.
- notis pemakluman berkaitan pengeluaran pra-matang oleh Pelanggan perlu diserahkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja sebelum tarikh pengeluaran.

11.0 PEMBAHARUAN SECARA AUTOMATIK

11.1 Pelanggan mestilah memberikan arahan dalam apa-apa jua cara sama ada untuk menyerahkan/menamatkan/memperbaharui sijil sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh matang. Jika tidak berbuat demikian maka Co-opbank akan mengangap Pelanggan bersetuju untuk memperbaharui sijil deposit secara automatik dengan ciri-ciri yang sama berkuatkuasa, dan peruntukan di bawah Klausa 7.2(a) dan (b) adalah terpakai

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

bagi pembaharuan transaksi komoditi dan klausa 8.1 bagi pengiraan Harga Jualan (Murabahah). Pembaharuan secara automatik ini hanya terpakai bagi jumlah tempoh masa tidak lebih dari tujuh (7) tahun, jika tidak, Klausa 18.0 akan terpakai. Jika Co-opbank ada memaklumkan apa-apa kemaskini maklumat atau fakta transaksi kepada Pelanggan melalui apa-apa medium komunikasi, jika tiada bantahan oleh Pelanggan melalui notis rasmi dalam tempoh yang dinyatakan dalam kemaskini tersebut maka pengesahan dan persetujuan oleh pelanggan dianggap telah berkuatkuasa serta merta.

12.0 YURAN DAN CAJ

12.1 Tiada caj penalti akan dikenakan bagi sebarang pengeluaran pra-matang.

12.2 Kecuali dinyatakan secara jelas, Pelanggan bersetuju Co-opbank berhak mengenakan fi untuk mana-mana perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan pada kadar yang ditetapkan oleh Co-opbank (seperti mana yang diluluskan oleh pengawalselia) dan seperti yang dinyatakan di laman web Co-opbank. Co-opbank berhak mendebitkan akaun Pelanggan untuk caj tersebut.

12.3 Yuran-yuran/caj-caj yang dikenakan adalah termasuk cukai yang ditetapkan oleh kerajaan (jika ada) yang mana berkenaan dari masa ke semasa.

12.4 Co-opbank berhak meminda yuran-yuran/caj-caj yang dikenakan dengan mengisytiharkan pindaan tersebut dalam laman web dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan berkuatkuasa. Tanpa bantahan rasmi daripada pelanggan sebelum tarikh kuatkuasa pindaan tersebut, pindaan tersebut adalah dianggap dipersetujui oleh pelanggan dan Co-opbank berhak mendebitkan akaun Pelanggan berdasarkan pindaan caj tersebut.

12.5 Co-opbank mempunyai budibicara penuh untuk memansuhkan apa-apa caj pada tempoh matang akaun deposit untuk manfaat pelanggan.

13.0 TIDAK ATURAN

13.1 Pelanggan dinasihatkan untuk memeriksa dengan teliti catatan-catatan (*entries*) akaun di dalam sijil berkenaan dan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Co-opbank jika terdapat sebarang kesilapan, tidak aturan, percanggahan atau tuntutan yang tidak dibenarkan, debit atau kredit atau sebarang transaksi akaun yang disebabkan oleh pemalsuan, penipuan atau tanpa kebenaran lengkap oleh mana-mana individu seperti yang dinyatakan dalam catatan akaun dalam sijil (selepas ini dirujuk sebagai Tidak aturan) dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Pelanggan menerima sijil.

13.2 Co-opbank akan menganggap semua catatan akaun dalam sijil telah disediakan dengan baik dan Pelanggan telah menerima semua perkara yang terkandung dalam sijil sebagai benar dan tepat dalam semua aspek. Sebarang pertikaian mengenai transaksi yang dikemukakan kepada Co-opbank selepas tujuh (7) hari tidak akan dilayan.

13.3 Pelanggan tidak akan memudaratkan dan akan menanggung rugi Co-opbank pada setiap masa terhadap semua tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Co-opbank akibat Tidak aturan tersebut kecuali tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang dikaitkan secara langsung dengan kecuaiannya, keingkaran yang disengajakan atau penipuan oleh Co-opbank.

14.0 HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA

14.1 Co-opbank mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- meminta bayaran balik daripada Pelanggan dan/atau mendebit akaun Pelanggan dan/atau menolak mana-mana baki di dalam mana-mana akaun Pelanggan untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun Pelanggan yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, samada disebabkan oleh Co-opbank, di dalam proses menjalankan arahan Pelanggan atau di dalam apa jua keadaan selainnya;
- menolak mana-mana wang di dalam mana-mana akaun Pelanggan termasuk keuntungan (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk deposit dan/atau jumlah yang masih terutang simpan di dalam mana-mana akaun Pelanggan, bagi melunaskan apa-apa liabiliti Pelanggan kepada Co-opbank.

14.2 Jika terdapat jumlah belum dibayar, terutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan, Co-opbank mempunyai hak untuk menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset Pelanggan. Co-opbank dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana produk deposit, pelaburan dan/atau apa jua aset Pelanggan yang dipegang oleh Co-opbank sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terutang dan perlu dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh Pelanggan.

15.0 CAGARAN SEBAGAI SEKURITI

15.1 Akaun Deposit-i Berjangka boleh dicagarkan sebagai sekuriti bagi pelaksanaan atau pelunasan sebarang obligasi atau liabiliti Pelanggan kepada Co-opbank, mengikut keperluan. Jika tidak, akaun tidak perlu

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

dicagarkan atas apa jua alasan sekalipun, melainkan untuk tujuan di atas. Setiap cagaran hendaklah dimaklumkan kepada Co-opbank secara rasmi untuk berkuatkuasa.

16.0 PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN

16.1 Co-opbank boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun Pelanggan dan menguruskan baki-baki di dalam akaun Pelanggan mengikut budi bicara Co-opbank apabila menerima notis kematian, hilang akal, mufliis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mahkamah, mana-mana pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau mengikut pendapat Co-opbank adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).

16.2 Co-opbank juga boleh menutup/menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:

- a) pelanggan diisytihar bankrap atau di dalam proses penggulungan; atau
- b) deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau
- c) pengeluaran semua atau sebahagian daripada akaun deposit oleh pelanggan; atau
- d) pelanggan melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau
- e) pelanggan tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana Terma & Syarat ini; atau
- f) arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau
- g) pelanggan gagal memastikan bahawa sumber wang yang didepositkan adalah bukan sepenuhnya tidak patuh Syariah; atau
- h) mana-mana keadaan lain seperti yang diberitahu oleh Co-opbank dari semasa ke semasa.

17.0 KEHILANGAN DAN KECURIAN

17.1 Pelanggan perlu menyimpan sijil deposit (jika ada) dalam keadaan selamat dan perlu melaporkan dengan segera berkenaan kehilangan atau kecurian sijil deposit kepada Co-opbank, secara bertulis. Sijil deposit boleh diganti dengan adanya Surat Pelepasan Tanggungan yang ditandatangani atau sebarang akaun lain yang ditentukan oleh Co-opbank dari masa ke semasa.

17.2 Penggantian sijil deposit yang hilang hanya akan dilakukan di cawangan di mana akaun dibuka.

17.3 Penggantian sijil deposit yang hilang akan dibuat seperti terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir operasi sijil tersebut.

18.0 PERINGATAN WANG TIDAK DITUNTUT

18.1 Mana-mana baki kredit yang ada di dalam Akaun Deposit-i Berjangka yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965.

19.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

19.1 Co-opbank tidak akan mendedahkan data peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat emel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pelanggan, melainkan jika Co-opbank mendapat kebenaran daripada Pelanggan, atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian:

- a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Co-opbank yang merangkumi syarikat induk Co-opbank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan;
- b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau insurans / broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Co-opbank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda;
- c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Co-opbank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Co-opbank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);
- d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung/tidak langsung perlindungan kredit kepada Co-opbank;
- e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
- f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Co-opbank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Co-opbank;

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

- g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;
- h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan anda.

19.2 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan Co-opbank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma dan syarat di dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai.

19.3 Pelanggan mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Co-opbank, termasuk maklumat mengenai Pelanggan dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara/bidang kuasa di mana akaun ini diselenggara, dimiliki dan/atau dipertukarkan dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/bidangkuasa lain atau negara/negara dimana Pelanggan boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan di mana Co-opbank mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

20.0 ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

20.1 Untuk mematuhi undang-undang tempatan, luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, kehendak laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Co-opbank boleh:

- a) melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa;
- b) melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak Co-opbank mungkin hendaklah memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin: i) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas; ii) mempunyai kaitan yang relevan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percukaian atau percubaan yang sebenarnya, penyiasaan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau iii) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan;
- c) memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pendeposit atau bagi pihak Pendeposit dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu;
- d) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan hendaklah, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana dari Pendeposit, tidak membenarkan Pendeposit menggunakan produk deposit, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Pihak Co-opbank tidak hendaklah memberitahu Pendeposit sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Co-opbank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak Co-opbank, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas;
- e) Tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun Pendeposit termasuk tetapi tidak terhad kepada apaapa pemindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun Pendeposit jika pihak Co-opbank mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Pendeposit digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, perubahan wang haram atau pembiayaan keganasan aktiviti-aktiviti. Pihak Co-opbank juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana difikirkan sesuai.

21.0 PERWAKILAN DAN JAMINAN

21.1 Pelanggan mengakui bahawa pembukaan akaun tidak dibuat dengan bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada sebarang perwakilan atau jaminan yang dibuat oleh atau bagi Co-opbank kecuali perwakilan atau waranti yang dinyatakan dengan jelas dalam Terma & Syarat ini.

21.2 Pelanggan mengaku dan memberi jaminan untuk kepentingan Co-opbank bahawa ia mempunyai dan akan pada setiap masa bagi tempoh simpanan mempunyai kapasiti undang-undang untuk membuat transaksi yang dimaksudkan di sini, dan akan menyebabkan semua resolusi korporat dan pihak berkuasa untuk dibuat dan/atau diluluskan untuk memastikan bahawa orang-orang yang bertujuan untuk memasuki urusniaga ini bagi pihaknya dapat menunaikan ia selaras dengan Terma & Syarat ini

22.0 LIABILITI BANK

22.1 Kecuali jika disebabkan oleh kecauaian, kemungkiran yang disengajakan dan penipuan oleh Co-opbank, Pelanggan akan menanggung rugi Co-opbank sebagai Bank pemungut daripada segala kerugian yang mungkin

TERMA DAN SYARAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA (RUNCIT)

dialami oleh Co-opbank kerana menjamin endorsan, pembayaran ke atas mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau suratcara lain yang Pelanggan depositkan untuk pungutan dan setiap jaminan yang diberikan oleh Co-opbank akan dianggap sebagai menurut permintaan Pelanggan pada setiap keadaan.

22.2 Kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian, kemungkiran yang disengajakan dan penipuan oleh Co-opbank, Pelanggan bersetuju bahawa Co-opbank tidak akan bertanggungjawab dan Pelanggan akan menanggung rugi Co-opbank sepenuhnya terhadap sebarang kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan atau Co-opbank berhubung dengan mana-mana akaun bank dalam mengikuti arahan atau jika mana-mana akaun bank atau sebahagian akaun bank Pelanggan dikurangkan atau dibekukan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa.

22.3 Pelanggan juga bersetuju apabila Co-opbank menerima atau menanggung liabiliti bagi/atau di atas permintaan Pelanggan, sebarang dana dan/atau sekuriti dan barang berharga milik Pelanggan yang tersimpan di Co-opbank (samada disimpan sebagai sekuriti, simpanan terjamin atau tujuan tertentu yang lain) ia boleh menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak untuk menahan kesemua atau sebahagian daripada dana atau sekuriti tersebut, malahan menolak pembayaran cek Pelanggan sehingga liabiliti itu selesai.

23.0 TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

23.1 Akaun Deposit-i Berjangka adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pengawalselia daripada masa ke semasa. Pelanggan bersetuju bahawa perkhidmatan pada masa ini dan/atau pada bila-bila masa yang ditawarkan oleh Co-opbank kepada Pelanggan akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut.

23.2 Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi seperti alamat Pelanggan, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Co-opbank dengan segera. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi kepada Pelanggan dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera.

23.3 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma & Syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.

24.0 PINDAAN KEPADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

24.1 Co-opbank berhak mengubah atau meminda terma-terma dan/atau syarat-syarat di dalam Terma & Syarat ini tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari secara bertulis atau secara elektronik kepada Pelanggan dan dianggap dipersetujui oleh pelanggan jika tiada bantahan rasmi diberikan oleh Pelanggan kepada Co-opbank dalam tempoh tersebut dan apa-apa perubahan dan pindaan tersebut akan mempunyai impak yang sama seperti yang disebutkan di dalam Terma & Syarat ini dan tidak ada apa-apa di sini yang akan ditafsirkan sehingga dapat menyekat atau mengekang atau menjejaskan mana-mana hak Co-opbank di sini untuk mengubah atau meminda terma dan syarat.

25.0 PEWARIS TERIKAT

25.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini mengikat kesemua pihak termasuk waris dan penerima hak Pelanggan dan Co-opbank.

26.0 ARAHAN

26.1 Apa-apa arahan daripada Pelanggan kepada Co-opbank berkenaan dengan Akaun Deposit-i Berjangka hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan. Arahan-arahan tersebut hanya berkuatkuasa apabila diterima oleh Co-opbank.

27. UNDANG-UNDANG

27.1 Terma & Syarat ini diurus ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

PERAKUAN PELANGGAN / PENDEPOSIT

Saya/kami sebagai pelanggan dan pendeposit dengan ini memperakui dengan sejujurnya bahawa kami telah memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas serta mempersetujui kesemuanya tanpa boleh batal dan tidak mempunyai sebarang bantahan dengan peraturan yang ditetapkan oleh Co-opbank dalam Akaun Deposit-i Berjangka ini. Saya/kami juga dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk melepaskan Co-opbank daripada sebarang bentuk tanggungan dan/atau dakwaan kecuali atas peranan serta tanggungjawab Co-opbank yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

.....
Tandatangan Pelanggan / Pendeposit
(NAMA PENANDATANGAN BERKUASA)

Tarikh:

(Lembaran ini hendaklah dianggap lembaran berasingan daripada lembaran di atas.)

PERSETUJUAN KONTRAK WAKALAH

Saya/kami sebagai pelanggan dan pendeposit dengan ini memperakui dengan sejujurnya bahawa saya/kami telah bersetuju memberikan kuasa penuh kepada Co-opbank berdasarkan kontrak Wakalah bagi melaksanakan siri-siri urusaniaga Tawarruq, secara berulang-ulang selagimana Akaun Deposit-i Berjangka ini masih aktif tertakluk kepada kuasa, tanggungjawab-tanggungjawab, terma dan syarat yang dinyatakan dan dirujuk silang kepada Terma dan Syarat Deposit Berjangka-i Tawarruq, khususnya apa-apa terma yang termaktub pada perenggan 7.0 yang bersangkutan paut dengan peranan wakil atau ejen.

Saya/kami juga dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk melepaskan Co-opbank daripada sebarang bentuk tanggungan dan/atau dakwaan kecuali atas peranan serta tanggungjawab Co-opbank yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

SIGHAH AKAD KONTRAK WAKALAH

Lafaz Akad (Ijab oleh Pelanggan/Pendeposit)

Saya/Kami sebagai Pelanggan dengan ini bersetuju memasuki kontrak Wakalah ini sebagai Muwakkil dengan memberikan kuasa-kuasa yang dipersetujui di atas kepada Co-opbank sebagai wakil untuk melakukan penyempurnaan semua siri-siri akad dan/semua urusan berkaitan urusaniaga komoditi tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah selagimana akaun ini masih aktif.

.....
Tandatangan Pelanggan / Pendeposit
(NAMA PENANDATANGAN BERKUASA)

Tarikh:

KEGUNAAN CO-OPBANK SAHAJA

Lafaz Akad (Qabul oleh Co-opbank)

Bagi pihak Co-opbank dengan ini bersetuju memasuki kontrak Wakalah ini sebagai Wakil dengan menerima pemberian kuasa-kuasa yang dipersetujui di atas oleh Muwakkil kepada Co-opbank sebagai wakil untuk melakukan penyempurnaan bagi semua siri-siri akad serta mengendalikan semua urusan berkaitan urusaniaga komoditi tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah selagimana akaun ini masih aktif.

.....
Tandatangan Pegawai Co-opbank
(NAMA)
(COP)

Tarikh:

Cawangan :

No Akaun :